

NO. SOALAN: 115

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOGEH ANAK GUMBOK
[MAS GADING]**

TARIKH : 18 JUN 2014

RUJUKAN : 6910

SOALAN:

Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional di sebalik menetapkan tempoh menunggu selama 6 bulan kepada warga asing berstatus suami atau isteri rakyat tempatan yang ingin memohon Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang serta sejauh manakah pelaksanaan peraturan ini sudah dimaklumkan kepada masyarakat umum.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Tempoh menunggu selama 6 bulan kepada warga asing hanya dikenakan bagi suami kepada rakyat tempatan. Tiada tempoh menunggu dikenakan bagi isteri kepada rakyat tempatan.

Rasional ditetapkan tempoh ini adalah bagi memastikan kesahihan perkahwinan dan bukan *marriage of convenience*.

Maklumat berkaitan dimaklumkan dalam laman web Jabatan Imigresen dan pelanggan turut dimaklumkan ketika hadir di Pejabat Imigresen.